




SEDIH...mangsa berehat di luar rumah selepas kejadian tanah runtuh di Seksyen 10, Wangsa Maju, malam tadi.



TINJAU...penduduk meninjau kejadian tanah runtuh.

ROSAK...beberapa kereta rosak dalam kejadian itu.

## Tanah runtuh di flet Wangsa Maju

METRO 10/10/2006

# 4 blok bergegar

### 1,000 penghuni flet bertempiraran lari tanah runtuh menjelang waktu berbuka

**K**UALA LUMPUR: Lebih 1,000 penghuni flet kos rendah Seksyen 10, Wangsa Maju di sini, tidak sempat menjamah hidangan berbuka puasa apabila kediaman mereka tiba-tiba bergegar sebelum sebahagian kawasan di bawah bukit di situ runtuh.

Kejadian sekitar jam 6.50 petang itu menyebabkan keadaan menjadi kelam-kabut berikutan penduduk lari bertempiraran menyelamatkan diri kerana bimbang tragedi Highland Towers berulang.

Runtuhan tanah di lereng bukit itu didakwa berpunca daripada pembinaan Lebuhraya Duta-Hulu Klang berhampiran flet berkenaan menyebabkan semua penghuni terpaksa mengosongkan rumah masing-masing selepas percaya flet terbabit akan runtuh bila-bila masa.

Difahamkan, ketika kejadian kebanyakan penghuni sedang bersiap untuk berbuka puasa.

Kejadian selepas hujan lebat itu mengakibatkan tempat pembuangan sampah flet, kawasan meletak kenderaan dan jalan men-

dap 10 meter ke lereng bukit. Terdapat rekahan tanah sepanjang 40 meter dengan lebar 10 meter berlaku di kawasan itu.

Berikutan itu, pihak berkuasa mengarahkan penghuni empat blok flet itu, blok 3, 4, 5 dan 6 dikosongkan selepas mendapati ia tidak lagi selamat didiami.

Kebanyakan penduduk diarahkan berpindah sementara ke surau berhampiran dan dewan serbaguna di sekitar Wangsa Maju sambil diberi bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Berikutan kejadian itu, polis, Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA3) mengambil langkah berjaga-jaga di kawasan itu kerana bimbang keadaan bertambah buruk.

Sementara itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique yang melawat tempat kejadian memberitahu, tanah runtuh itu hanya membatikan Blok 5 dan 6 flet itu.

"Tanah runtuh itu begitu hampir dengan kedua-dua blok berkenaan tapi tiada kecederaan dan kemalangan jiwa. Enam kereta

dan beberapa motosikal rosak akibat kejadian itu," katanya.

Menurutnya, semua penghuni bagaimanapun dibenarkan membawa keluar dokumen dan barangan berharga milik masing-masing secara bergilir.

"Mereka dipantau polis ketika berpindah. (Ini kerana) kami tidak mahu semua orang naik ke rumah kerana bimbang boleh menyebabkan bangunan itu menjadi tidak stabil," katanya.

Menurutnya, pihak berkuasa termasuk pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran akan menyasiat mengenai kejadian itu.

"Kejadian ini serius tetapi masih terkawal. Kita tak tahu punca sebenar kejadian, sama ada peresapan air bawah tanah atau kesan kerja pembinaan.

"Saya menasihatkan semua penghuni jangan masuk ke ru-

mah tanpa kebenaran pihak berkuasa," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Md Ali Ismail berkata 35 anggota dari Balai Bomba Wangsa Maju dan Hang Tuah terbabit dalam operasi itu.

Beliau berkata, pihak berkuasa mendapati berlaku kebororan gas petroleum cecair bawah tanah di sebuah blok rumah pangsa berkenaan dan berikutan itu, mereka membuat keputusan mengosongkan kawasan itu serta memindahkan penghuninya.

"Ketika ini jurutera DBKL sedang menyasiat kawasan terbabit bagi menentukan tahap seriusnya insiden itu dan mencari penyelesaian untuk melaksanakan langkah seterusnya," katanya.

## >Arah baiki segera

**K**UALA LUMPUR: Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu meminta kontraktor Lebuhraya Duta-Hulu Klang (Duke) melaksanakan kerja pembaikan di kawasan berlakunya tanah runtuh di Wangsa Maju.

"Saya sudah mengarahkan kontraktor supaya memulakan kerja secepat mungkin. Saya juga meminta Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk menyasiat kejadian tanah runtuh itu dan mengemukakan laporan penuh mengenai insiden berkenaan," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di London. Beliau kini menghadiri Kongres Sedunia

ke-13 Sistem Pengangkutan Antarabangsa.

Samy Vellu berkata, meskipun punca tanah runtuh itu masih belum dikenal pasti, kontraktor utama lebuhraya itu diminta mengambil segala tindakan bagi menyiapkan segera kerja pembaikan.

Tanah runtuh itu berlaku kira-kira jam 6.50 petang berikutan hujan lebat mengakibatkan 700 orang yang tinggal di empat blok flet kos rendah terpaksa dipindahkan.

Tanah runtuh itu berlaku di tapak Lebuhraya Duke yang sedang dalam pembinaan.